

APLIKASI KAEDAH PENGAJARAN RASULULLAH SAW MELALUI PENGAJIAN TURATH MASA KINI

Nazneen binti Ismail¹, Nurzatil Ismah Azizan², Siti Mursyidah Mohd Zin³,
Kamarulnizam Sani⁴

^{1,2,3,4}Universiti Islam Selangor

^{*1}email: nazneen@uis.edu.my

Abstrak: Pengajian turath merupakan salah satu aliran pengajian yang masih wujud dan relevan hingga ke hari ini kerana peranannya dalam memelihara warisan ilmu Islam dari generasi ke generasi. Malah, kitab-kitab turath tidak hanya diajarkan di institusi pondok atau madrasah persendirian sahaja bahkan ia turut dijadikan sebagai kursus pengajian di sebahagian universiti di Malaysia. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka kaedah pengajaran Rasulullah SAW yang diamalkan oleh para pensyarah dalam pengajian turath. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Sampel kajian dipilih secara bertujuan melibatkan tiga buah universiti yang menawarkan pengajian turath kepada pelajar secara berstruktur. Data dikumpul melalui temubual separa berstruktur kepada tiga orang pensyarah pengajian turath dan dianalisis secara tematik berdasarkan objektif kajian. Dapatan kajian menemui lima kaedah pengajaran Rasulullah SAW diamalkan oleh para pensyarah iaitu nasihat dan peringatan, kaedah galakan dan ancaman, bercerita, berdialog dan memberikan tugas untuk menguji kefahaman pelajar. Berdasarkan kreativiti dan kebijaksanaan para pensyarah, kaedah-kaedah ini disesuaikan dengan keperluan zaman dan teknologi semasa yang ada pada hari ini.

Kata Kunci: Pengajian turath, strategi pengajaran, kitab-kitab turath, warisan ilmu Islam

Pendahuluan

Pengajian kitab turath merupakan satu sistem pendidikan tradisional yang diamalkan oleh institusi pondok berasaskan kepada kitab-kitab lama. Pemilihan kitab terdiri daripada dua bentuk iaitu (i) kitab karangan ulama Alam Melayu seperti Munyatul Musalli karangan Sheikh Daud al-Fatani, Faridatul Faraid karangan Sheikh Ahmad al-Fatani, Unwanul Falah karangan Sheikh Ahmad al-Fatani, Tashilu Nailil Amani fi Syarhi Awam al-Jurjani karangan Sheikh Ahmad al-Fatani dan Risalah Nahu dan Sarof karangan Sheikh Ahmad al-Fatani dan (ii) kitab karangan ulama Tanah Arab seperti Fath al-Bari karangan Ibnu Hajar al-Asqalani, Ihya Ulumuddin karangan Imam al-Ghazali, Matan Arbain karangan Imam an-Nawawi, Kitab al-Hikam karangan Ibn Ataillah as-Sakandari, al-Risalah karangan Imam al-Syafie, Lubb al-Usul karangan Sheikh Zakaria al-Ansar, Tafsir Jalalain karangan Imam al-Suyuti dan sebagainya (Ismail et al., 2014).

Selain daripada bahan pengajaran, keunikan sistem pengajian ini juga boleh dilihat dari aspek kaedah pengajaran dan pembelajarannya. Ini kerana ia mengadaptasi sistem pengajian di Mekah iaitu sukatan pembelajaran secara berperingkat, aplikasi sistem halaqah iaitu pengajaran dijalankan dalam satu bulatan yang hampir tertutup, guru menggunakan teknik syarahan iaitu membaca kitab dalam bahasa Arab dan menerangkannya dalam bahasa Melayu manakala murid mencatat nota di ruangan kosong di tepi halaman kitab (Noornajihan et al., 2018, Masyhurah et al, 2015). Selain itu, murid juga diberikan ruang untuk bertanya sama ada di dalam atau di luar kelas (Mohd Mahadi & Noor Sufiza, 2014).

Kajian Siti Saniah et al (2019) merumuskan terdapat lima kaedah pengajaran yang diamalkan di pondok iaitu kaedah talaqqi (berhadapan dengan guru), kaedah tafaqquh (mendalami ilmu dengan merujuk guru), kaedah itqan (menekuni ilmu dengan mengulangi pelajaran di hadapan guru dan mencatat nota), kaedah munazarah (berdebat), dan kaedah mujadalah (bersoal jawab). Tiga daripadanya diamalkan secara langsung iaitu kaedah talaqqi, kaedah tafaqquh dan kaedah itqan. Manakala kaedah mujadalah dan kaedah munazarah pula diamalkan secara tidak langsung.

Selain daripada institusi pondok, pengajian kitab turath juga ditawarkan di universiti pada hari ini seperti Universiti Malaya (UM) yang menyediakan Kursus Talaqqi Kitab Turath (Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2024), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang menganjurkan Program Pengajian Kitab Turath Bersijil secara berkala (IIUM Academy, 2023), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) yang menawarkan Diploma Pengajian Turath (KIAS, 2022), Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) mempunyai program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Turath (Ilmu Falak) (UnIPSAS, 2021) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Pusat Khazanah Ilmu Turath (U-KIT, 2024). Peranan yang dimainkan oleh universiti dalam mengetengahkan pengajian turath ini penting kerana ia merupakan sumber primer ilmu-ilmu Islam yang perlu dikuasai sebagai penyelesaian kepada isu-isu kontemporari. Bagi memastikan ilmu turath ini dikuasai sebaiknya, maka kajian ini bertujuan untuk menganalisis kaedah pengajaran yang diaplikasikan di universiti berdasarkan kaedah Rasulullah SAW.

Kajian Pustaka

Tinjauan literatur bagi kajian ini tertumpu kepada kajian lepas berkaitan kaedah pengajaran Rasulullah SAW dan pengajian turath.

Kaedah pengajaran Rasulullah SAW

Antara kajian yang tertumpu kepada kaedah pengajaran Rasulullah SAW ialah Mihmidaty (2018), Yusuf (2019), Rifatul (2019), Siti Norhana et al (2021), Nasyitah Farhanah et al (2022) dan Mohd Rashidi et al (2022). Kajian Mihmidaty (2018) menghuraikan media pendidikan berdasarkan ayat al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Media pendidikan berperanan sebagai alat bantu dalam proses interaksi antara guru dan murid serta meningkatkan keberkesanan pengajaran. Berdasarkan hadis, pengkaji merumuskan terdapat dua media pendidikan yang digunakan iaitu media manusia dengan Rasulullah SAW sendiri sebagai model dan penggunaan anggota badan seperti tangan, hidung, lidah, jari serta media bukan manusia yang terdiri daripada alam sekitar seperti langit, bumi, matahari, bulan dan juga gambar. Justeru, media pendidikan juga dibahagikan kepada dua iaitu bersifat benda seperti bahan bertulis, alam sekitar, gambar dan rakaman. Manakala media bukan benda adalah seperti keteladanan, perintah dan larangan serta ganjaran atau hukuman. Seterusnya, kajian Rifatul (2019) terhadap hadis riwayat al-Tirmidhi merumuskan terdapat tiga kaedah pengajaran Rasulullah SAW iaitu kaedah demonstrasi, perumpamaan dan latihan. Kajian Yusuf (2019) pula menganalisis penerapan kaedah pengajaran Rasulullah SAW di Pondok Pesantren dan merumuskan dapatan kepada enam kaedah iaitu muhadarah (syarahan), hiwar (dialog), penceritaan, hukuman, halaqah (bersemuka) dan berperingkat.

Selain itu, berdasarkan kajian Siti Norhana et al (2021) terdapat empat amalan pengajaran Rasulullah SAW yang diamalkan oleh guru-guru Tasawwur Islam iaitu teknik bercerita dan metafora, teknik komunikasi yang jelas dan mudah dan teknik syarahan.

Kajian Nasyitah Farhanah et al (2022) pula menemukan terdapat lima kaedah pengajaran Rasulullah SAW dalam merangsang pembelajaran aktif yang boleh dijadikan panduan iaitu kaedah soal jawab, perbincangan, latih tubi, pengulangan serta qudwah dan kewibawaan guru memahami kepelbagaian kemampuan pelajar. Kajian yang fokus kepada pembelajaran aktif turut dijalankan oleh Salafudin (2011). Pengkaji merumuskan bahawa kaedah pembelajaran aktif dilakukan oleh Rasulullah SAW melalui kaedah demonstrasi atau praktikal secara langsung, pembelajaran berperingkat, pembelajaran mengikut kemampuan dan gaya belajar pelajar, dialog dan soal jawab, diskusi dan dialektika. Kaedah pengajaran Rasulullah SAW juga relevan untuk menyantuni generasi muda pada hari ini seperti kajian Mohd Rashidi et al (2022) yang menyenaraikan beberapa teknik berdasarkan hadis baginda SAW iaitu sentuhan, teknik menegur dengan menerangkan, teknik menyelesaikan masalah, teknik memberikan pujian, teknik memelihara maruah, teknik kecindan, teknik beriadah, teknik adil dan saksama dan teknik didik hibur.

Pengajian turath

Antara kajian berkaitan pengajian turath ialah Harapandi (2016), Nazneen et al. (2021), Abd Latif et al (2021), Azizan et al (2024) dan Tg Ainul Farha (2024). Menurut Harapandi (2016), terdapat empat kemahiran yang perlu dicapai dalam pengajian turath iaitu kemahiran membaca karya klasik, kemahiran menulis sama ada menulis gaya moden atau berbentuk nota kaki, kemahiran memahami dan kemahiran mengajar. Kemahiran mengajar pula terdiri daripada empat kaedah utama iaitu kaedah syarahan, kaedah memperdengarkan bacaan kepada guru, kaedah halaqah atau kelas berkumpulan dan kaedah hafazan. Kajian Nazneen et al. (2021a) pula membincangkan tentang peranan pengajian turath dalam pembentukan akhlak pelajar. Hasil kajian membuktikan bahawa pengajian turath mempunyai kesan dari segi pemeliharaan adab sama ada di dalam mahupun di luar sekolah. Ia berkait dengan peranan yang dimainkan oleh para guru, pelajar senior, rakan sepengajian dalam mengekalkan bi'ah solehah sehingga ia menjadi kelaziman bagi para pelajar. Manakala kajian Abd Latif et al. (2021) menunjukkan kepentingan kompetensi pengajaran turath dalam melestarikan ilmu bahasa Arab melalui pengajian kitab turath. Ia dinilai melalui teknik pengajaran, silibus dan ciri-ciri kitab yang dipelajari. Selain daripada keberhasilan dari sudut penguasaan akademik, pelajar juga mendapat manfaat dari segi pembentukan sahsiah.

Dari segi peranan guru, kajian Nazneen et al. (2021b) merumuskan empat faktor yang memberi kesan terhadap pembentukan sahsiah iaitu guru sebagai suri teladan kepada pelajar, mempunyai hubungan yang baik dengan mereka, mengutamakan adab di samping menyuburkan rasa cinta ilmu dalam diri pelajar. Peranan ini perlu dijalankan dengan seikhlas hati supaya para pelajar benar-benar dapat mencontohi akhlak para ulama dan mengaplikasikannya sepanjang masa. Kajian Azizan et al. (2024) ke atas para pensyarah pengajian turath mendapati mereka mengaplikasikan kaedah pengajaran yang pelbagai terutamanya integrasi ilmu dan nilai dengan menyentuh isu semasa, menggabungkan ilmu aqli dan naqli, mempunyai kemahiran menyampaikan kuliah dengan baik dan menekankan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar dengan menggalakkan pelajar berfikir kritis. Selain itu, kajian Tg Ainul Farha et al. (2024) tertumpu kepada pengajian turath di sekolah menengah. Sampel kajian adalah pelajar Kolej Permata Insan USIM. Melalui kajian ini, dapatan daripada kitab turath berkaitan ilmu sains diolah semula dalam bentuk infografik bersepadu sebagai sebaran kepada masyarakat awam. Secara tidak langsung, kajian ini memperlihatkan usaha pengkaji untuk mengetengahkan kitab turath dalam bentuk semasa.

Kaedah Pengajaran Rasulullah SAW

Antara kaedah pengajaran Rasulullah SAW ialah nasihat dan peringatan, kaedah galakan dan ancaman, bercerita, berdialog dan memberikan tugas untuk menguji kefahaman pelajar.

a. Nasihat dan peringatan

Kaedah nasihat dan peringatan dapat membuka mata murid berkaitan hakikat sesuatu dan mendorongnya untuk berperilaku tinggi. Dalam surah Luqman, Allah SWT merakamkan nasihat Luqman kepada anaknya agar tidak mensyirikkan Allah SWT, berbuat baik kepada kedua ibubapa, bersyukur kepada Allah SWT dan berterima kasih kepada ibubapa, mendirikan solat, melakukan amar makruf dan nahi mungkar serta bersabar (Luqman: 13-17). Malah, al-Quran juga menyarankan kepada manusia agar saling memberikan peringatan kerana ia berfaedah bagi orang yang beriman (al-Dhariyat: 55). Menurut Abu Ghuddah (2009), Rasulullah SAW menggunakan teknik ringkas dan padat dalam menyampaikan peringatan kepada para sahabat. Baginda SAW juga menggunakan mimik muka yang selaras dengan penyampaian. Contohnya apabila baginda berkhutbah, matanya menjadi merah dan suaranya menjadi tinggi. Ini bagi menarik perhatian pendengar dan menekankan kepentingan isi kandungan peringatan yang disampaikan. Abdullah Nasih (1996) merumuskan antara ciri nasihat dan peringatan ialah menggunakan panggilan yang lembut, menggunakan perumpamaan, disampaikan dalam bentuk wasiat, mengemukakan kisah dan bukti, menggunakan bahan bantu bagi menjelaskan sesuatu serta menunjukkan contoh teladan.

b. Dorongan dan hukuman

Kaedah ini digunakan oleh Rasulullah SAW ketika mengajar dan berdakwah. Baginda mendorong umat melakukan sesuatu kebaikan dengan menyatakan ganjaran dan manfaatnya. Sebaliknya, baginda SAW menegah umat daripada melakukan perkara yang tidak baik dengan menyatakan balasan buruk dan akibat yang akan ditimpakan jika mereka berdegil. Keseimbangan antara dua kaedah ini menepati kaedah hikmah kerana sekiranya hanya tertumpu kepada ancaman, maka ia menyebabkan manusia menghindarkan diri daripada baginda SAW manakala jika baginda SAW hanya mengungkapkan berita gembira ia akan menjadikan manusia bersikap malas dan enggan beramal (Abu Ghuddah, 2009). Dalam memberikan hukuman, terdapat beberapa dasar yang perlu diperhatikan iaitu lemah lembut dan kasih sayang, menyesuaikan hukuman dengan tahap kefahaman dan dilakukan secara bertahap daripada ringan kepada berat. Antara contoh kaedah Rasulullah SAW membetulkan kesalahan seseorang ialah memberikan arahan, menggunakan kaedah ramah mesra, memberikan isyarat, memberi kecaman, memutuskan hubungan atau menjauhkan diri sehingga kesalahan tersebut diperbetulkan, memukul dan memberikan hukuman yang menyedarkan (Abdullah Nasih, 1996).

c. Bercerita

Bercerita merupakan kaedah yang efektif dan berkesan untuk menarik perhatian pendengar. Rasulullah SAW menggunakan kaedah penceritaan dalam pengajaran dengan membawakan kisah-kisah para rasul dan umat terdahulu. Kaedah ini memberikan kesan yang baik kepada pendengar di samping mendorong motivasi dalaman mereka. Ini kerana setiap kisah yang dibawakan terkandung pengajaran, peringatan dan contoh teladan kepada para pendengarnya. Antara kisah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW ialah hadis tentang balasan buruk kepada wanita yang mendera kucing, lelaki yang memberi minum kepada anjing kehausan dan kisah Juraij (Abu Ghuddah, 2009).

d. Berdialog

Kaedah dialog kerap digunakan Rasulullah SAW dalam sesi pengajaran baginda. Ia dapat menarik perhatian pendengar dan mengajak mereka untuk menjawab persoalan tersebut serta menggalakkan mereka agar menggunakan idea yang bernas dalam menjawab persoalan tersebut. Sekiranya para sahabat tidak dapat memberikan jawapan, maka Rasulullah SAW memberikan jawapan yang mudah difahami dan berkesan kepada jiwa pendengar. Antara contoh soal jawab yang diaplikasikan Baginda ialah dalam hadis Jibril yang terdiri daripada soal jawab tentang rukun Islam, rukun Iman dan ihsan (Abu Ghuddah, 2009).

e. Memberikan tugas untuk menguji kefahaman pelajar

Rasulullah SAW juga mengajukan soalan kepada para sahabat mengenai perkara yang baginda telah mengetahuinya. Persoalan itu bertujuan membangkitkan kebijaksanaan para sahabat, menggerakkan kecerdikan mereka serta menyalurkan ilmu kepada mereka melalui kaedah mengemukakan hujah agar dapat menguji ilmu dalam minda mereka. Maka, kaedah ini digalakkan kepada para guru untuk menggalakkan pelajar berfikir dan menjelaskan jawapan yang sebenar sekiranya mereka tidak mengetahui (Abu Ghuddah, 2009)

Metode

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kajian kes ialah satu kaedah yang digunakan dalam bidang pendidikan bagi mencapai salah satu objektif iaitu menjelaskan satu fenomena secara terperinci, menjelaskan beberapa kemungkinan berkaitan fenomena dan menilai fenomena tersebut. Ia juga membolehkan pengkaji meneroka dan menilai fenomena dengan lebih mendalam menurut konteks sebenar (Ahmad Yunus & Ab Halim, 2010). Populasi kajian yang terlibat ialah universiti di seluruh Malaysia. Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan hanya menasaskan kepada universiti yang menawarkan pengajian turath sebagai program pengajian atau kursus pengajian. Bagi kajian ini, universiti yang terlibat ialah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Universiti Islam Selangor (UIS). Data dikumpul melalui protokol temubual separa berstruktur ke atas tiga orang pensyarah mewakili universiti masing-masing. Sesi temubual dirakam dan ditranskripsi secara verbatim bagi memudahkan analisis dijalankan. Dapatan dalam bentuk transkripsi ini telah dianalisis secara tematik berdasarkan bacaan secara berulang kali. Tema-tema yang telah dikeluarkan, diserahkan kepada pakar untuk analisis kesahan. Kebolehpercayaan data diperolehi dengan mendapatkan nilai persetujuan pekali Cohen Kappa.

Hasil dan Pembahasan

Berdasarkan temubual, kajian merumuskan lima kaedah pengajaran Rasulullah SAW yang diaplikasikan oleh para pensyarah pengajian turath iaitu nasihat dan peringatan, kaedah galakan dan ancaman, bercerita, berdialog dan memberikan tugas untuk menguji kefahaman pelajar.

a. Kaedah Nasihat dan Peringatan

Nasihat dan peringatan adalah antara asas agama yang bertujuan untuk memastikan umat Islam sentiasa sedar dan mengingatkan niat serta matlamat mereka dalam semua perkara yang dilakukan. Sebagai guru, menasihati pelajar termasuk antara tanggungjawab mereka yang utama. Nasihat yang disampaikan bertujuan untuk mengingatkan pelajar tujuan belajar

dan kepentingan menuntut ilmu secara berterusan. Pensyarah 2 juga menasihatkan pelajar agar bertalaqqi dengan guru-guru turath yang ada di luar universiti.

Keluasan ilmu Allah SWT memerlukan kepada usaha yang bersungguh-sungguh daripada para penuntut ilmu. Meskipun pelajar mempunyai ijazah dalam bidang tertentu seperti al-Quran dan al-Sunnah, tetapi mereka dinasihatkan agar turut mendalami bidang lain seperti Usuluddin dan Syariah khususnya melibatkan perkara-perkara asas agama. Ia sebagai persediaan dalam berhadapan dengan persoalan agama masyarakat yang sering menjadikan lulusan pengajian Islam sebagai pakar rujuk (Pensyarah 2). Kekurangan ilmu dalam kalangan para ilmuwan akan memberi impak negatif kepada masyarakat kerana mereka mudah dimanipulasi dan diperdaya oleh golongan yang berniat jahat. Selain itu, para pensyarah memberi peringatan kepada pelajar tentang bahaya taksub dengan satu-satu pemikiran atau aliran kerana ia menghalang sikap adil dan rasional dalam berfikir (Pensyarah 2).

Sikap terbuka dan berwaspada daripada taksub ini juga merupakan sebahagian daripada adab sebagai penuntut ilmu. Penekanan soal adab dalam belajar turut diberi perhatian oleh para pensyarah terutama dari aspek kepentingan beramal dengan ilmu yang dimiliki, menghormati guru dan menyampaikan ilmu kepada orang lain. Maka, kesedaran tanggungjawab sebagai penuntut ilmu ini memerlukan mereka untuk bersifat amanah dan sentiasa memperbaiki niat. Niat untuk mendapatkan habuan dunia sehingga sanggup menyembunyikan ilmu merupakan sifat tercela penuntut ilmu yang perlu dihindari (Pensyarah 3).

b. Kaedah Dorongan dan Hukuman

Kaedah galakan dan ancaman ini berperanan sebagai pencetus motivasi dalam diri pelajar. Maka, pensyarah didapati menggunakan kaedah ini bagi mendorong para pelajar untuk terus menekuni ilmu turath dari masa ke masa. Antara kaedah yang dilakukan adalah memberikan hadiah kepada pelajar yang berjaya menghafaz matan atau teks kitab yang ditentukan. Kejayaan ini dirakamkan dan dikongsikan kepada orang lain sebagai motivasi (Pensyarah 3). Selain itu, para pelajar juga digalakkan untuk mencari pusat-pusat pengajian turath yang lain atau mengikuti kelas secara atas talian yang disediakan pada hari ini supaya mereka beroleh kefahaman mendalam dan luas berkaitan ilmu pengajian Islam (Pensyarah 2). Kaedah dorongan ini juga diseimbangkan dengan hukuman bagi pelajar yang melakukan kesalahan. Namun, hukuman tersebut bertujuan mendidik dan bukan menyerang peribadi pelajar (Pensyarah 1). Hukuman merupakan kaedah sederhana untuk mencegah pelanggaran peraturan, menghalang kesalahan daripada berulang serta menjadi iktibar kepada pelajar lain untuk tidak melakukan kesalahan tersebut. Kaedah ini turut ada dalam al-Quran yang boleh diperhatikan melalui ayat-ayat berkaitan ancaman azab neraka dan kecelakaan di dunia (Yusuf, 2019). Pendekatan hukuman turut ditemui dalam kajian Yusuf (2019) yang mendapati para guru pondok mengenakan hukuman kepada para pelajar dalam bentuk denda atau menghafaz ayat yang ditentukan oleh guru.

c. Kaedah Penceritaan

Kaedah bercerita perlu bagi penerapan aspek pembangunan insan kerana ia lebih mudah difahami dan dihayati apabila disampaikan dengan cara penceritaan ketimbang berbentuk fakta akademik. Kaedah bercerita juga boleh digandingkan dengan metafora yang memudahkan pelajar memahami perkara yang bersifat abstrak. Ia juga memberi kesan tambahan kepada pendengar yang membandingkan perkara tersebut dengan pengalaman sebenar (Mohd Rashidi et al. 2014). Rasulullah SAW juga menggunakan kaedah ini untuk memberi peringatan, nasihat dan contoh kepada para sahabat (Lara, 2018). Kaedah bercerita

ini diaplikasikan bertujuan menarik minat para pelajar dalam memahami kitab tafsir. Antaranya dengan cara menimbulkan persoalan berkaitan hikmah dinyatakan fenomena alam dalam al-Quran dan kemudiannya dihuraikan bagi memudahkan para pelajar memahami apa yang terdapat dalam al-Quran serta sebabnya seperti yang dijelaskan oleh pakar tafsir (mufasssir) (Pensyarah 2). Pendekatan bercerita ini turut ditemui dalam kajian lepas seperti Yusuf (2019) yang mendapati para guru menggunakannya sebagai salah satu kaedah menghuraikan pembelajaran dengan lebih jelas dan dekat dengan pelajar. Ini kerana kisah mempunyai kemampuan unik untuk menarik perhatian pendengar seterusnya disimpan dalam memori yang sukar dilupakan. Malah, berdasarkan kajian Siti Norhana et al (2023) penggunaan kisah juga boleh dijadikan asas kepada satu-satu tajuk pembelajaran.

d. Kaedah Dialog

Penggunaan kaedah dialog dalam pembelajaran bersifat dua hala iaitu antara guru dan pelajar. Kebiasaannya soalan diajukan oleh guru dan perlu dijawab oleh pelajar. Ia dilaksanakan tanpa waktu yang tetap iaitu pada bila-bila masa yang sesuai. Malah, berdasarkan kaedah Rasulullah SAW, terdapat pembelajaran yang dimulakan dengan persoalan daripada baginda manakala sebahagian lagi diawali oleh pertanyaan daripada para sahabat (Yusuf, 2019). Bagi Pensyarah 3, sesi perbincangan atau dialog ini dibuka pada hujung pengajaran dan terbuka sama ada meliputi soalan berkaitan tajuk atau tidak. Malah, Pensyarah 2 menggalakkan para pelajarnya mengadakan kumpulan perbincangan kecil sesama mereka di akhir semester dan bersedia untuk dilibatkan sama dalam perbincangan tersebut. Selain itu, Pensyarah 2 juga menggunakan kaedah dialog ini bagi tujuan mengaitkan tajuk perbincangan dengan dalil atau merentasi bidang ilmu. Beliau banyak menggunakan kaedah ini dalam bab akidah seperti tajuk sifat-sifat Allah SWT. Para pelajar diminta untuk mengemukakan pandangan mereka tentang pembuktian dan dalil aqli berkaitan sifat Allah SWT.

Menurut Lara (2018), pertanyaan yang dikemukakan perlu mempunyai ciri logik dan rasional kerana ia merangsang daya berfikir pelajar untuk mencari jawapan. Selain itu, melalui perbincangan, penghujahan dan perbandingan logik juga menjadikan suatu kebenaran dan pengetahuan lebih terpasak dalam diri para pelajar serta tidak mudah digoyahkan oleh kebatilan. Ini seperti yang boleh diperhatikan dalam hadis berkaitan permintaan seorang lelaki untuk melakukan zina lalu Rasulullah SAW bertanya sama ada lelaki tersebut suka sekiranya ibu atau anak perempuannya dizinai. Akhirnya lelaki itu menemui jawapan kepada persoalan dalam dirinya sendiri setelah dialog berlaku antara beliau dengan Rasulullah SAW. Maka, elemen penting dalam sesi dialog ialah komunikasi yang jelas antara kedua-dua pihak agar tidak berlaku salah tafsir mesej. Soalan dan jawapan kedua-duanya perlu difahami dengan baik. Kaedah ini memberi ruang kepada guru untuk menilai tahap kefahaman pelajar, mengetahui cara berfikir mereka serta menghidupkan suasana pembelajaran (Nasyitah et al., 2022). Dialon yang terbuka dan demokrasi memberi ruang kepada pelajar untuk membentangkan pandangan dan hasil analisis mereka berkaitan satu-satu isu yang tidak semestinya terikat pada satu jawapan khusus (Lara, 2018).

e. Kaedah Pengujian

Pengujian dan latihan merupakan kaedah belajar untuk membiasakan diri melakukan sesuatu. Ia mengasah keupayaan pelajar berdasarkan apa yang telah dipelajari daripada guru. Kaedah ini perlu dijalankan secara berulang kali sehingga pelajar benar-benar menguasai kemahiran yang diharapkan. Guru juga boleh menilai perkembangan kemahiran pelajar dari masa ke masa sama ada melalui kaedah bertulis mahupun lisan. Bagi Pensyarah 2, kaedah ini digunakan bagi melatih pelajar untuk membaca teks arab yang tidak disertakan baris.

Beliau menggunakan pendekatan meminta pelajar membaca dua atau tiga baris dan membetulkan mereka sekiranya terdapat kesilapan. Sekiranya bacaan baris mereka betul, maka pensyarah akan menguji pengetahuan pelajar tentang i'rab. Pengujian ini penting kerana antara tujuan pengajian turath ialah membolehkan pelajar membaca kitab berbahasa Arab dengan fasih dan mampu untuk menghuraikan dari segi nahu serta sarafnya.

Selain itu, kaedah ini diaplikasikan oleh Pensyarah 3 dalam bentuk soal jawab di akhir pengajaran. Ia bertujuan untuk menilai kefahaman pelajar terhadap tajuk yang dibincangkan. Pengujian dalam bentuk penyelesaian masalah juga diaplikasikan oleh Pensyarah 2 bagi melatih daya berfikir para pelajar. Menurut Pensyarah 3, pengujian dilakukan dalam bentuk lisan, kuiz bertulis dan tugasan sama ada berkumpulan atau individu bagi memastikan semua pelajar terlibat sama dalam menjawab soalan yang dikemukakan. Malah, Pensyarah 1 memberikan tugasan kepada pelajarannya untuk dibentangkan di dalam kelas. Kesemua tugasan diberikan dalam bahasa Arab dan pelajar diminta untuk menterjemahkannya ketika pembentangan. Melalui hasil tugasan dan pembentangan, pensyarah boleh menilai sejauh mana usaha pelajar dalam memahami tajuk pengajaran.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, para pensyarah pengajian turath didapati mengaplikasikan kaedah pengajaran Rasulullah SAW dan menyesuaikannya dengan konteks semasa. Kepelbagaian kaedah pengajaran Rasulullah SAW wajar dijadikan panduan para pensyarah bagi merangsang daya berfikir dan menganalisis para pelajar dalam mempelajari kitab turath. Para pelajar perlu dilibatkan secara aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran supaya intipati kitab turath dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh umat pada hari ini dan akan datang. Meskipun kitab turath masih dikekalkan dalam bentuk yang asal, namun kaedah pengajaran yang menepati dan bersesuaian membolehkannya diwarisi dari generasi ke generasi. Perhatian para pensyarah kepada kaedah pengajaran menurut Rasulullah SAW kerana baginda adalah murabbi agung yang menjadi wasilah tertegaknya agama Islam sehingga ke hari ini. Pendekatan yang ditunjukkan oleh baginda meraikan perbezaan latar belakang para pelajar membolehkan ilmu disampaikan tanpa penghalang. Maka, kajian ini merumuskan bahawa kelestarian pengajian turath tidak hanya bergantung kepada intipati kitab sahaja bahkan kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh para pensyarah turut memainkan peranan dalam memastikan ilmu disampaikan dengan tepat dan benar kepada pelajar.

Bibliography

- Abd Latif, K. A., Ismail, M. R., Ghazali, A. R., & Zulkapeli, N. S. (2021). Kelestarian Turath Bahasa Arab Di Pondok-pondok Sebagai Pemangkin Tradisi Ilmu (Satu Tinjauan Awal Literatur). *E-Jurnal Bahasa Dan Linguistik (e-JBL)*, 3(2), 56-68. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v3i2.91>
- Abdullah Nasih Ulwan. (1996). *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Ahmad Yunus Kasim dan Ab Halim Tamuri. (2010). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Kandungan Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2), 13-30.
- Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. (2024). Ikhtisas. <https://apium.um.edu.my/ikhtisas>

- Azizan, . N. I., Ismail, N., Mohd Zin, S. M., Sani, K., & Abdul Halim, A. (2024). Pendekatan pengajaran kursus-kursus berorientasi kitab turath di institusi pengajian tinggi islam malaysia: Approach to teaching courses oriented to the book of turath in malaysian islamic institutions of higher education. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 8 (2), 143–152. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v8i2.263>
- Harapandi Dahri. (2016). Pengajaran Kitab Turats Melayu di Brunei Darussalam. *Al-Fikra: Jurnal Ilmiah Keislaman* 15(1), 151-176.
- IIUM Academy. (2023). Program Pengajian Kitab Bersijil. <https://academy.iium.edu.my/program-pengajian-kitab-turath-bersijil>.
- Ismail, Solahuddin & Abdul Rahman (2014). Tranformasi Sistem Pendidikan Pondok Dalam Memartabatkan Pengajian Kitab Kuning Di Malaysia. 23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA2014), 23 - 27 August. <http://repo.uum.edu.my/id/eprint/14580>
- KIAS. (2022). <https://www.kias.edu.my/wp-content/uploads/2022/05/diploma-pengajian-turath.pdf>
- Masyhurah Mohd Rawi, Harun Baharudin, Maimun Aqsha Lubis & Siti Aisyah Romli. (2015). Institusi Pondok dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *Proceeding The 7th International Workshop and Conference of Asean Studies on Islamic and Arabic Education and Civilization (POLTAN-UKM-POLIMED)*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Mihmidaty Ya'cub. (2018). Media Pendidikan Perspektif Al Quran Hadits dan Pengembangannya. *CENDEKIA* 4 (2), 112-126.
- Mohd Mahadi Mydin & Noor Sufiza Ahmad. (2014). The System of Islamic Studies At Madrasah (Sekolah Pondok). *Journal of Mechanical Manufacturing*, (1).
- Mohd Rashidi bin Omar, Nor Azizah binti Shamli, Saniah binti Mohammed Shahid. (2014). Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran Menurut Perspektif Islam : Kebitaraan Rasulullah Sebagai Pendidik. *Konvensyen Kebitaraan Junjungan Mulia 2014 (INSAN2014)* Gerik, Perak.
- Nasyitah Farhanah Johari Faisal, Mohammad Zaini Yahaya, Ahmad Munawar Ismail, Muhammad Adib Samsudin dan Syaidatun Nazirah Abu Zahrin. (2022). Implementasi Pengajaran Solat dalam Membina Kemahiran Pembelajaran Aktif Menggunakan Model Pengajaran Rasulullah SAW. *IJISTRA* 3(4), 254-267. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2022.41>
- Nazneen binti Ismail, Nurzatil Ismah Azizan, Siti Mursyidah Mohd Zin & Nur Fatihah Zainuddin. (2021a). Peranan Pengajian Turath Terhadap Pembentukan Akhlak Pelajar: Kajian di Selangor. *Dlm. Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin*. Siri II. Hlm. 21-31. Bandar Seri Putra: Penerbit FPPI KUIS.
- Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan & Siti Mursyidah Mohd Zin, (2021b) Peranan guru pengajian turath dalam pembentukan sahsiah pelajar di pondok. *Al-Hikmah*, 13 (1), 43-71.
- Noornajihan Jaafar, Zulkiple Abd Ghani, Siti Rugayah Hj Tibek, Amir Husin Mohd Nor, Setiyawan Gunardi, Noor Azizi Ismail et al. (2018). Cabaran Institusi Pendidikan Pondok Serta Impak Terhadap Pembentukan Diri Pelajar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2 (6), 223-235.
- Rifatul Saidah. (2019). Analisis Hadis Riwayat Al-Turmudzi Tentang Metode Pembelajaran. *Skripsi Sarjana Pendidikan*. Fakultas Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.

- Salafudin. (2011). Metode Pembelajaran Aktif Ala Rasulullah, Pembelajaran yang Membangkitkan Motivasi. Forum Tarbiyah 9(2), 187-206.
- Siti Norhana Abu Hamis, Kamarul Azmi Jasmi & Bushrah Basiron. (2023). Prosiding International Seminar on Islamic Education & Peace. Vol. 2. 71-81. <https://ejournal.uniramalang.ac.id/index.php/isiep/article/download/2139/1397>
- Siti Saniah Abu Bakar et al. (2019). Kaedah Pengajaran di Institusi Pengajian Pondok. The Online Journal of Islamic Education, 7 (2), 10-20.
- Tg Ainul Farha Tg Abdul Rahman , Zulkarnin Zakaria, Ahla Faliyah Amir Fariz & Fauzul Fitri Zakariya. (2024). Pengajian Kitab Turath Peringkat Sekolah Menengah di Malaysia: Kajian Kes Kolej Permata Insan USIM. Al-'Abqari 31 No. 2 (Special Issue IJURECON 2023), 2024: 23-31. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol31no2.646>
- U-KIT. (2024). Pusat Khazanah Ilmu Turath <https://pace.usim.edu.my/u-kit-2/>
- UnIPSAS. (2021). Ijazah Sarjana Muda Pengajian Turath (Ilmu Falak) dengan Kepujian. <https://kemasukan.unipsas.edu.my/project/ijazah-sarjana-muda-pengajian-turath-ilmu-falak-dengan-kepujian-n-0224-6-0019pa1635403-31/>
- Yusuf Ramadhan. (2019). Penerapan Metode Pembelajaran Rasulullah SAW di Pondok Pesantren Darul Amin Kotawaringin Timur. Skripsi Sarjana Pendidikan. Fakultas Tarbiyah dan Keguruan. Institut Agama Islam Negeri Palangka Raya.